

KEBERKESANAN PENGGUNAAN ANIMASI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB TERHADAP KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

THE EFFECTIVENESS OF USING ANIMATION IN TEACHING AND LEARNING ARABIC LANGUAGE IN STANDARD CURRICULUM FOR PRIMARY SCHOOLS

Muhammad Khairulnazmi Musa¹
Mohd Nothman Mohd Noor¹
Muhammad Taufik Md Sharipp^{2*}

¹ Faculty of Education and Social Sciences, UNISEL Selangor

² Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Cawangan Melaka

*corresponding author (taufiksharipp@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 19-4-2022
Revised date : 20-4-2022
Accepted date : 8-6-2022
Published date : 15-6-2022

To cite this document:

Musa, M. K., Mohd Noor, M. N., & Md Sharipp, M. T. (2022). Keberkesanan Penggunaan Animasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Terhadap Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 66 - 80.

Abstrak: *Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab. Kebanyakan guru bahasa Arab masih menggunakan kaedah pengajaran yang bersifat tradisional dan kurang berkesan. Oleh itu, pengkaji ingin mengetahui adakah penggunaan animasi ini dapat membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Arab. Kajian ini menggunakan gabungan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Intrumen yang digunakan ialah temubual berstruktur dan soal selidik. Seramai 30 orang responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan 5 di Sekolah Kebangsaan Agama Sarikei, Sarawak terlibat dalam soal selidik dan 3 orang tenaga pengajar bahasa Arab terlibat dalam sesi temubual. Hasil temubual mendapati bahawa guru-guru memberikan respon yang baik terhadap penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab. Dapatan kajian turut menunjukkan peningkatan motivasi yang tinggi dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab, iaitu ($M=4.54$). Secara keseluruhannya, guru bahasa Arab mempunyai tanggapan yang baik terhadap penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab dan seterusnya dapat memberi impak yang positif dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab di sekolah.*

Kata kunci: *Bahasa Arab, penggunaan animasi, keberkesanan, pengajaran dan pembelajaran*

Abstract: *This study was conducted to identify the effectiveness of animation in the teaching of Arabic. Most Arabic teachers still use traditional and less effective teaching methods. Therefore, researchers want to know whether this animation can help improve the effectiveness of Arabic language teaching. This study uses a combination of qualitative and quantitative approaches. The instruments used were structured interviews and questionnaires. A total of 30*

respondents consisting of form five students at Sekolah Kebangsaan Agama Sarikei, Sarawak, were involved in the questionnaires, and 3 Arabic language teachers were involved in the interview session. The interviews found that the teachers gave an excellent response to the use of animation in teaching Arabic. The study's findings also showed a high increase in motivation among students learning Arabic, that is, (M=4.54). Overall, Arabic teachers have a good perception of the use of animation in the teaching of Arabic and, in turn, can positively impact the implementation of teaching and learning Arabic in schools.

Keywords: *Arabic language, use of animation, effectiveness, teaching and learning*

Pengenalan

Animasi ialah pergerakan suatu objek atau gambar yang berubah posisi asal sehingga menghasilkan gambar yang bergerak (Apriansyah et al., 2020). Animasi juga merupakan media yang terhasil daripada penyatuan antara visual dan audio serta jalan penceritaannya ataupun dilebih dikenali kartun (Shofiyyah et al., 2020).

Sejak dari 20 tahun yang lalu, Malaysia mengalami tranformasi dalam bidang pendidikan terutamanya dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam bidang pendidikan. Menerusi TMK yang semakin pesat membangun, penggunaan animasi dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Menurut Puspita (2017), animasi sangat sesuai digunakan dalam PdP kerana terbukti dapat menarik minat dan perhatian malah dapat mengekalkan pelajar untuk terus mengikuti kandungan kelas. Ini kerana animasi berupaya untuk menerangkan atau menjelaskan sesuatu yang sukar atau susah difahami dengan cuma memaparkan gambar dan tulisan dalam bentuk yang menarik (Shofiyyah et al., 2020). Oleh itu, dengan menggunakan animasi sebagai metode PdP merupakan suatu yang kreativiti yang dapat membantu para guru untuk memudahkan dalam menyampaikan isi kandungan yang diajar kepada pelajar (Abdul Majid & Ismail, 2018).

Terdapat kajian lepas telah mengkaji penggunaan animasi dalam PdP antaanya kajian oleh Umar et al. (2021) yang mendapati penggunaan animasi dalam pengajaran mata pelajaran kesusteraan kanak-kanak memberi impak yang baik terhadap pemahaman mata pelajaran. Terbukti kanak-kanak yang diajar menggunakan animasi mampu memperoleh keputusan markah yang tinggi walaupun mata pelajaran kesusteraan lazimnya dianggap bosan. Selain itu juga, kajian yang dijalankan oleh Lidi dan Daud (2019) menunjukkan penggunaan animasi dapat meningkatkan pemahaman dan motivasi pelajar untuk belajar dalam mata pelajaran yang sukar seperti biologi. Namun, kajian-kajian lepas belum merangkumkan keberkesanan penggunaan animasi dalam PdP Bahasa Arab.

Permasalahan Kajian

PdP dalam dunia pendidikan pada masa kini tidak terhad kepada buku teks ataupun pengajaran secara tradisional, tetapi perlu seiring perkembangan TMK, proses PdP dapat dijalankan dengan lebih canggih. Walaupun medium TMK telah diterapkan lebih-lebih lagi semasa musim pandemik covid-19 ini, namun metode merujuk buku teks dan syarahan guru yang panjang atas talian menyebabkan pelajar jemu atau kurang minat belajar. Menurut Salahuddin (2020), penggunaan animasi dapat membantu guru untuk menumbuhkan minat belajar dan memudahkan pelajar dalam memahami pembelajaran.

Walaupun kajian membukikan implementasi teknologi animasi dalam pembelajaran bahasa Arab mampu menarik minat pelajar untuk menguasai bahasa Arab, selain ia menepati konsep pembelajaran terkini (Che Hat et al., 2013); Ironinya, masih ramai guru-guru yang mengajar bahasa Arab yang masih mengajar secara tradisional. Ini akan mengurangkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru tersebut kerana para pelajar berasa bosan. Menurut Akla (2021) menyatakan bahawa pembelajaran yang membosankan mewujudkan rasa bosan dan malas untuk belajar. Oleh itu, pembelajaran yang menyeronokkan mampu memberi impak yang besar kepada minat dan pemahaman pelajar. Misalnya, guru yang mengajar pelajarannya secara atas talian tanpa elemen hiburan seperti penggunaan animasi akan menyebabkan pelajar tidak bermotivasi untuk belajar. Menurut Hat et al. (2017), menyatakan bahawa penggunaan animasi mampu memainkan peranan sebagai penarik minat pelajar untuk belajar dan sekali gus membantu guru untuk membawa pelajar ke arah pembelajaran yang lebih menyeronokkan.

Walaupun terdapat kajian sebelum ini yang mengenegahkan penggunaan animasi sebagai bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia seperti Che Hat et al. (2013) dan Hat et al., (2017) namun kajian mereka berfokus kepada PdP bahasa Arab di institusi pengajian tinggi. Selain itu, kajian Akla (2021) pula menumpukan penggunaan animasi sebagai medium PdP bahasa Arab di Indonesia. Belum ditemukan kajian yang menguji keberkesanan animasi dalam PdP bahasa Arab pada tahap kurikulum standard sekolah rendah di Malaysia. Secara tidak langsung, ini menjadi jurang perbezaan kajian ini dengan kajian-kajian yang lain.

Objektif Kajian

Tujuan pengkaji menjalankan kajian ini adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengenalpasti penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab;
2. Mengkaji penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab dari perspektif guru;
3. Mengkaji tahap keberkesanan penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab terhadap motivasi pelajar.

Hipotesis Kajian

Hipotesis Null:

Ho 1: Tidak terdapat penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab;

Ho 2: Gguru menyatakan bahawa penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab tidak membantunya untuk menyampaikan pengajarannya;

Ho 3: Penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab tidak dapat meningkatkan minat pelajar untuk belajar

Hipotesis Alternatif:

Ha 1: Terdapat penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab;

Ha 2: Guru mengatakan bahawa penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab dapat membantunya untuk menyampaikan pengajarannya dengan mudah;

Ha 3: Penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab dapat meningkatkan minat pelajar untuk belajar.

Sorotan Literatur

Penggunaan animasi

Terdapat beberapa kajian yang telah dibuat berkenaan dengan penggunaan animasi sebagai teknik pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai subjek. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Lidi dan Daud (2019) mendapati bahawa penggunaan animasi untuk subjek biologi dapat membantu pelajar untuk memahami pengajaran dengan mudah malah dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar.

Selain itu, Hikmah (2021) dan Rosmiati (2019), mendapati bahawa penggunaan animasi dalam subjek bahasa Inggeris telah memberi manfaat yang besar kepada guru dan pelajar. Dengan adanya penggunaan animasi telah memudahkan guru mewujudkan teknik mengajar yang menarik dan berkesan manakala pelajar pula berasa seronok untuk belajar.

Kesan penggunaan animasi dalam pendidikan Islam dapat memudahkan pelajar untuk memahami apa yang diajarkan malah ia juga menggalakkan pelajar bersemangat untuk belajar (Novelia dan Hazizah, 2020 & Puspita 2017). Pengajaran dan pembelajaran menerusi animasi seperti ilmu huruf hijaiyah dapat membantu anak-anak kecil mengenali dan menghafal huruf hijaiyah dengan mudah. Hal ini kerana, penggunaan animasi dapat memaparkan huruf hijaiyah dengan menarik serta memberi tarikan kepada anak-anak kecil untuk belajar sekali gus mendatangkan minat anak-anak kecil untuk belajar. Meneliti kajian-kajian tersebut, penggunaan animasi sebagai metode mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab

Menurut Abidin dan Satrianingsih (2018), bahasa Arab merupakan antara bahasa yang tertua di dunia yang sehingga kini masih digunakan oleh ramai penduduk dunia. Di Malaysia, bahasa Arab bukan sahaja dipelajari sekolah agama malah sekarang turut ditawarkan pada peringkat pendidikan formal seperti prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan kolej serta peringkat universiti (Muhammad Sabri, 2015). Memandangkan terdapat permintaan terhadap subjek ini, perkara pokok dalam pedagogi bahasa Arab ialah bagaimana guru menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai agar berupaya untuk memberi minat pelajar untuk belajar (Hamzan et al., 2015).

Menurut Zaini et al. (2019), guru hendaklah memainkan peranan yang penting dalam PdP bahasa Arab untuk menyampaikan ilmu dengan kreatif dan berkesan. Hal ini kerana dapatan Abdul Majid dan Ismail (2018), menunjukkan majoriti pelajar menganggap bahasa Arab sukar untuk dipelajari. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan pelajar menjadi kurang bermotivasi untuk belajar.

Antara langkah yang boleh dicadangkan agar PdP bahasa Arab menjadi lebih interaktif adalah menerusi penggunaan animasi. Sebelum ini, kajian yang dibuat oleh Hat et al. (2017) mendapati penggunaan animasi sebagai BBM dalam pengajaran bahasa Arab dapat meningkatkan prestasi pelajar. Seterusnya, kajian yang dibuat oleh Salahuddin et al. (2020), mendapati bahawa penggunaan animasi yang berasaskan aplikasi *Kinemaster* dapat meningkatkan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab pelajar.


Kesan penggunaan animasi dalam PdP bahasa Arab dipercayai dapat meningkatkan semangat, motivasi dan kesungguhan pelajar dalam mengikuti kelas. Selain itu penguasaan pelajar

terhadap mendengar, kota kata, bacaan dan tatabahasa bahasa Arab semakin baik. Pelajar juga berasa seronok dan terhibur dengan penggunaan animasi sambil menimba ilmu (Akla, 2021). Namun, kajian-kajian lepas hanya memfokuskan pandangan pelajar terhadap penguasaan bahasa Arab belum dinyatakan perspektif guru terhadap penggunaan animasi dalam PdP.

Metodologi Kajian

Kerangka Konseptual Kajian

Merujuk kepada Rajah 1 di bawah, pengkaji melakarkan gambaran menyeluruh pelaksanaan kajian yang dibuat (Ravitch dan Rissan, 2017).



Rajah 1: Kerangka konseptual kajian

Teoritikal Kajian

Kajian ini mengadaptasi teori pelaziman klasik. Teori yang diasaskan oleh Ivan Petrovich Pavlov (1849-1936) ini menitikberatkan *behavior* ataupun perangai semulajadi. Prinsip-prinsip asas dalam teori ini adalah setiap rangsangan akan menunjukkan masalah. Pembelajaran berlaku disebabkan perkaitan antara rangsangan dan gerak balas. Suatu rangsangan yang berhubung dengan rangsangan yang lain akan menimbulkan pembelajaran. Manakala pembelajaran yang berlaku akibat perkaitan antara dua rangsangan dinamakan sebagai pelaziman.


Hubungan antara kajian pengkaji dengan teori Pavlov ini ialah penggunaan animasi untuk menarik minat ataupun perangsangan motivasi pelajar untuk belajar bahasa Arab dan sekali gus mendokong pelajar untuk memahami pengajaran bahasa Arab dengan lebih baik. Pada awal pengajaran pelajar didapati kurang perangsang untuk fokus belajar kerana fitrah pelajar memerlukan hiburan semasa belajar. Semasa penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab sudah tentu akan melahirkan rasa minat dan mudah untuk belajar. Proses pembelajaran yang berlaku disebabkan hubungan antara dua rangsangan ini dikenali sebagai pelaziman. Secara ringkasnya, pengkaji mengaitkan penggunaan animasi supaya dapat memberi rangsangan kepada pelajar untuk belajar bahasa arab. Seterusnya proses rangsangan berlaku melalui penggunaan animasi, bahasa Arab menjadi perangsang terlazim di sekolah. (Mohd Zin, 2014).

Reka Bentuk Kajian

Kajian menggunakan kaedah gabungan metode iaitu, pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Kualitatif digunakan untuk menyatakan dan mendapatkan pendapat dan pemahaman mengenai sesuatu. Temu bual terhadap guru dilakukan untuk menilia keberkesanan PdP Bahasa Arab menggunakan animasi. Temu bual berstruktur dilaksanakan secara formal, dibuat dengan teliti dan dijalankan berpandukan dengan set soalan yang telah dibina. Soalan temu bual berpandukan dengan objektif kajian malah soalan temu bual tersebut tidak menggunakan set jumlah soalan yang banyak.

Pendekatan kuantitatif ialah sesuatu yang dapat diukur, dikira dan dinilai (Sufean, 2021). Soal selidik diberikan kepada pelajar untuk menilai kesan animasi terhadap PdP Bahasa Arab mereka. Pengkaji menjalankan soal selidik ini secara atas talian menggunakan “Google forms” bagi memudahkan responden.

Populasi dan Persampelan



Rajah 2: Reka bentuk populasi dan persampelan

Rajah di atas menunjukkan populasi dan persampelan yang akan pengkaji pilih untuk kajian ini. Pengkaji memilih sebuah sekolah di Sarikei, Sarawak iaitu Sekolah Kebangsaan Agama Sarikei, Sarawak. Pengkaji memilih sekolah tersebut kerana hanya sekolah tersebut yang menggunakan animasi dalam PdP bahasa Arab dalam daerah Sarikei. Pengkaji memilih pelajar tingkatan lima di sekolah tersebut seramai 30 orang dijadikan sebagai responden untuk soal selidik. Rasional penetapan 30 orang responden dalam kajian adalah mengikuti kajian-kajian lepas seperti Mohd Rusli et al., (2021), Isa et al., (2018) dan Meor Safari et al., (2013) yang masing-masing dalam kajian mereka menetapkan persampelan seramai 30 orang memandangkan kajian bersifat fokus kepada persepsi pelajar, maka pandangan responden sebagai pelajar boleh menyalurkan maklumat yang diperlukan untuk kajian.

Seramai 3 orang guru bahasa Arab yang berkhidmat di sekolah tersebut ditemu bual untuk menilai keberkesanan penggunaan animasi dalam PdP. Jumlah ini memadai memandangkan Creswell (2008) dan Yin (1994) mengungkapkan menyelidik fenomena semasa dalam keadaan sebenar (di bilik darjah) memerlukan pemilihan peserta kajian dan tempat kajian yang sesuai serta mudah didatangi untuk mendapatkan hasil kajian yang mendalam. Turut mengguna pakai kaedah persampelan yang sama termasuklah Sofiah Mohamed et al. (2016) dalam kajian mereka meneroka dan memerihalkan cara guru Pendidikan Islam melaksanakan akhlak mulia berdasarkan teori al-Ghazali dalam PdP.

Analisis Data Kajian

Analisis Data Temubual

Temubual bersama 3 orang responden yang terdiri dalam kalangan guru bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan Agama Sarikei. Pengkaji telah membahagikan beberapa bahagian untuk memudahkan bagi menganalisis data iaitu:

Bahagian 1: analisis demografi responden

Jadual 1: Soalan analisis demografi responden

| No. soalan | ITEM |
|------------|---|
| 1 | <i>Sudah berapa lama ustaz / ustazah berkhidmat di Sk Agama Sarikei?</i> |
| 2 | <i>Sudah berapa lama ustaz / ustazah telah mengajar subjek bahasa Arab?</i> |
| 3 | <i>Pernahkah ustaz / ustazah mendapat anugerah guru cemerlang sepanjang berkhidmat?</i> |

Jadual 1 menunjukkan soalan yang ditanya bagi bahagian 1 untuk mengetahui demografi responden. Hasil dapatan temubual bagi Bahagian 1 ini ditunjukkan pada Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Hasil Dapatan Bagi Bahagian 1

| Responden | No soalan | Jawapan responden |
|-----------|-----------|---|
| 1 | 1 | <i>Lebih kurang 3 tahun</i> |
| | 2 | <i>3 tahun</i> |
| | 3 | <i>Tidak pernah. Buat pengetahuan, saya masih dalam tempoh perkhidmatan secara kontrak, sekarang sedang menunggu untuk perlantikan secara tetap. Oleh itu, saya juga masih belum layak lagi untuk memohon guru cemerlang</i> |
| 2 | 1 | <i>8 Tahun</i> |
| | 2 | <i>8 Tahun</i> |
| | 3 | <i>Tidak Pernah</i> |
| 3 | 1 | <i>4 tahun</i> |
| | 2 | <i>4 tahun</i> |
| | 3 | <i>sepanjang saya berkhidmat sebagai guru pendidikan bahasa Arab ini saya belum lagi mendapati guru cemerlang sebab saya belum lagi cukup hebat atau layak untuk menerima guru cemerlang sedangkan ada lagi yang lebih hebat dari saya.</i> |

Bahagian 2: Temubual bagi objektif 1 (mengenalpasti penggunaan animasi dalam PdP bahasa Arab).

Jadual 3: Soalan mengenalpasti penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab

| No. soalan | ITEM |
|------------|---|
| 4 | <i>Adakah ustaz / ustazah menggunakan animasi dalam video pengajaran?</i> |

Jadual 3 menunjukkan soalan yang ditanya pada bahagian 2. Hasil dapatan temubual bagi Bahagian 2 ini ditunjukkan pada Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Hasil dapatan bagi Bahagian 2

| Responden | Jawapan responden |
|-----------|--|
| 1 | <i>Setakat ini saya belum pernah lagi menghasilkan video pengajaran sendiri dengan menggunakan animasi atas sebab kekangan masa dan waktu. Akan tetapi, saya ada juga mengambil video pengajaran yang menggunakan animasi dari medium aplikasi YouTube untuk mengajar.</i> |
| 2 | <p>YA</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Terutama dengan pelajar Pra sekolah (Di Pra sekolah sudah ada LCD ataupun TV (menggunakan pendrive)</i> • <i>Untuk tahun lain jarang menggunakannya kerana kekangan penggunaan LCD (sekiranya bersemuka)</i> • <i>sekiranya PDPR, sudah semestinya menggunakan animasi tersebut</i> |

| | |
|---|--|
| | <i>untuk membantu pelajar memahami maksud yang perlu disampaikan. (sekiranya ada kekangan untuk membuat kelas Google Meet)</i> |
| 3 | <i>Sepanjang pengalaman saya mengajar saya pernah menggunakan animasi dalam pembelajaran namun diambil dari sumber YouTube dan kadangkala kalau ada idea, saya akan buat sendiri video animasi pendek pembelajaran berkenaan dengan bahasa Arab.</i> |

Bahagian 3: Temubual bagi objektif 2 (mengkaji penggunaan animasi dalam pengajaran animasi dalam pengajaran bahasa arab dari perspektif guru).

Jadual 5: Soalan mengkaji penggunaan animasi dalam pengajaran animasi dalam pengajaran bahasa arab dari perspektif guru

| No. soalan | ITEM |
|------------|--|
| 5 | <i>Apakah pandangan ustaz / ustazah mengenai penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab?</i> |
| 6 | <i>Adakah penggunaan animasi ini mampu membantu ustaz / ustazah dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab secara atas talian?</i> |
| 7 | <i>Pada pendapat ustaz / ustazah, sejauhmanakah penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab memberi manfaat kepada pelajar ustazah?</i> |

Jadual 5 menunjukkan soalan yang ditanya bagi Bahagian 3 untuk mengkaji tahap keberkesanan penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab terhadap motivasi pelajar. Hasil dapatan temubual bagi Bahagian 3 ini ditunjukkan pada Jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Hasil dapatan Bahagian 3

| Responden | No. soalan | Jawapan responden |
|-----------|------------|--|
| 1 | 5 | <i>Pada pendapat saya, penggunaan animasi sebagai BBM dalam pembelajaran bahasa Arab merupakan satu perkembangan yang baru dan masih belum ramai menggunakannya. Pembelajaran menerusi animasi ini merupakan cara yang berkesan untuk menarik perhatian dan dapat menjadikan pembelajaran lebih ceria dan menyeronokkan.</i> |
| | 6 | <i>Teknologi animasi dalam pembelajaran bahasa Arab dapat membantu murid mempercepatkan proses pemahaman serta mengekalkan maklumat tersebut dalam tempoh masa yang lebih lama dalam ingatan murid. Tambahan pula, penggunaan warna, simbol, unsur grafik dan animasi yang digunakan boleh memfokuskan tumpuan mereka. Hal ini juga,</i> |

| | | |
|---|---|---|
| | | <i>dapat merangsang otak murid untuk lebih mudah mengingat sesuatu pembelajaran</i> |
| | 7 | <i>Elemen animasi dapat mempengaruhi tahap kefahaman murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan pergerakan animasi ini dapat membantu murid belajar dengan lebih berkesan kerana imej- imej yang dipaparkan di skrin komputer merangsang minda dan meningkatkan kefahaman murid.</i> |
| 2 | 5 | <i>Sangat menarik dan menghiburkan</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Ianya dapat membantu guru dalam PDPc @ PDP sekiranya menggunakannya.</i> • <i>Malah murid lebih dapat memahami dan mengingat maksud / kalimah yang dipelajari</i> |
| | 6 | <i>YA, sedikit dan sebanyak dapat membantu guru dalam subjek / tajuk yang diajar.</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Sekiranya pelajar tidak difahami, pelajar akan menghubungi guru secara terperinci dan guru akan menerangkannya.</i> |
| | 7 | <ul style="list-style-type: none"> • <i>Penggunaan animasi mestilah mengikut tema mengikut tajuk yang dipelajari.</i> • <i>Boleh menarik minat pelajar sekiranya ianya bertepatan. Lebih-lebih lagi sekiranya ada dimasukkan unsur muzik atau lagu. (Murid lebih mudah dapat mengingat dan menyebutnya dengan baik)</i> • <i>animasi yang bewarna-warni dan jelas perkataannya dapat membantu dengan baik.</i> |
| 3 | 5 | <i>Pada pandangan saya adalah ia sangat efektif oleh kerana sekarang merupakan era kemodenan dan serba teknologi yang canggih dan aplikasi yang pelbagai untuk digunakan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran bagi murid mahupun yang sudah masuk universiti atau kolej.</i> |
| | 6 | <i>Dengan animasi ia dapat membantu saya untuk mengajar dan menyampaikan pembelajaran saya dengan senang dan efektif namun saya tidak menggunakan 100% animasi dan kadang-kadang saya menggunakan buku kerana bukan semua murid yang boleh menangkap atau boleh catch-up apa yang disampaikan melalui video sahaja.</i> |
| | 7 | <i>Teknologi semakin berkembang, zaman semakin maju ke hadapan dan saya yakin animasi, media sosial dan sehubungan dengannya boleh dijadikan medium untuk belajar dan mengajar.</i> |

Analisis Data Soal Selidik

Analisis Demografi Responden

Jadual 7: Demografi responden

| Profil | Demografi | Kekerapan | Peratus (%) |
|---------|-----------|-----------|-------------|
| Jantina | Lelaki | 17 | 56.7 |
| | Perempuan | 13 | 43.3 |

Jadual 7 menunjukkan seramai 30 orang responden yang terdiri daripada 17 orang lelaki (56.7%) dan 13 orang perempuan (43.3%). 30 orang responden ini merupakan pelajar di Sekolah Kebangsaan Agama Sarikei, Sarawak yang semuanya berbangsa Melayu.

Analisis Tahap Keberkesanan Mengenai Penggunaan Animasi dalam Pengajaran Bahasa Arab Terhadap Motivasi Pelajar

Jadual 8: Skor min dan interpretasi bagi tahap keberkesanan mengenai penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab terhadap motivasi pelajar.

| No | Penyataan | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|--------------------|---|-------------|----------------|---------------|
| 1 | Belajar bahasa Arab menjadi lebih menarik | 4.73 | 0.52 | Tinggi |
| 2 | Belajar dengan menggunakan animasi yang berasaskan video animasi sangat seronok | 4.43 | 0.86 | Tinggi |
| 3 | Belajar berasaskan video animasi lebih mudah untuk faham berbanding belajar secara atas talian (<i>Google Meet</i>) | 4.23 | 0.94 | Tinggi |
| 4 | Belajar bahasa Arab menjadi lebih berkesan apabila menggunakan animasi | 4.20 | 0.85 | Tinggi |
| 5 | video animasi pengajaran bahasa Arab di YouTube dapat memberi peluang kepada pelajar agar tidak terlepas sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab | 4.60 | 0.81 | Tinggi |
| 6 | video animasi pengajaran bahasa Arab di YouTube dapat memudahkan pelajar untuk mengulangkaji | 4.60 | 0.62 | Tinggi |
| 7 | audio pengajaran animasi yang lebih jelas dan mudah didengari dapat membantu pelajar untuk memahami pengajaran bahasa Arab | 4.63 | 0.56 | Tinggi |
| 8 | pelajar lebih tertarik untuk belajar bahasa Arab dengan penggunaan animasi kerana terdapat unsur hiburan dan kreatif | 4.60 | 0.89 | Tinggi |
| 9 | menggunakan animasi dapat memaparkan info grafik yang lebih jelas dan mudah untuk difahami | 4.83 | 0.38 | Tinggi |
| 10 | Penggunaan animasi dapat mendorong kepada motivasi pelajar untuk mengikuti setiap sesi pengajaran bahasa Arab | 4.50 | 0.68 | Tinggi |
| Keseluruhan | | 4.54 | 0.41 | Tinggi |

Jadual 8 menunjukkan tahap keberkesanan mengenai penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab terhadap motivasi pelajar pada tahap yang tinggi iaitu, ($M=4.54$). Dapatan ini membuktikan bahawa penggunaan animasi ini mampu memberi motivasi pelajar untuk belajar bahasa Arab.

Perbincangan Kajian

Penggunaan Animasi dalam Pengajaran Bahasa Arab

Hasil daripada penelitian temubual guru bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan Sarikei, Sarawak mendapati bahawa mereka ada menggunakan animasi dalam pengajaran bahasa Arab mereka. Ini dibuktikan ada daripada mereka mengatakan mereka menggunakan animasi yang berasaskan video animasi yang sedia ada di YouTube untuk membantu mereka dalam menyampaikan pengajaran sesuatu topik yang ingin diajar. Maka jelaslah, ada penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan Agama Sarikei, Sarawak. Oleh itu, hipotesis null ($H_0 1$) yang menyatakan tidak terdapat penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab adalah ditolak. Dengan itu, hipotesis alternatif ($H_a 1$) yang menyatakan terdapat penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab diterima.

Penggunaan Animasi dalam Pengajaran Bahasa Arab Dari Perspektif Guru

Hasil daripada penelitian temubual ketiga-tiga pengajar bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan Sarikei, Sarawak. Pengkaji mendapati bahawa ketiga-tiga responden memberi pendapat yang baik terhadap penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab. Ini dibuktikan dengan pendapat daripada responden pertama yang menyatakan bahawa pembelajaran menerusi animasi ini merupakan cara yang berkesan untuk menarik perhatian dan dapat menjadikan pembelajaran lebih ceria dan menyeronokkan. Selain itu, responden kedua juga mengatakan bahawa penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab sangat menarik dan dapat menghiburkan pelajar. Responden yang ketiga turut mengatakan menggunakan animasi dalam pengajaran bahasa Arab sangat efektif kerana bantuan animasi responden dapat mengajar dan menyampaikan pembelajaran dengan senang dan efektif. Kenyataan ini dapat dikuatkan dengan kajian oleh Hikmah (2021), yang menjalankan kajian penggunaan animasi terhadap subjek inggeris. Dapatan kajian pengkaji ini mendapati bahawa dengan penggunaan animasi mampu membantu guru untuk mencipta teknik mengajar yang menarik dan berkesan serta mambantu pelajar bersemangat untuk belajar dan berasa seronok. Oleh itu, hipotesis null ($H_0 2$) guru menyatakan bahawa penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab tidak membantunya untuk menyampaikan pengajarannya ditolak. Dengan itu, hipotesis alternatif ($H_a 2$) Guru mengatakan bahawa penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab dapat membantunya untuk menyampaikan pengajarannya dengan mudah diterima.

Tahap Keberkesanan Penggunaan Animasi dalam Pengajaran Bahasa Arab Terhadap Motivasi Pelajar

Merujuk kepada dapatan kajian bagi tahap keberkesanan mengenai penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab terhadap motivasi pelajar pada tahap yang tinggi iaitu, ($M=4.54$). Perkara ini menunjukkan bahawa penggunaan animasi ini mampu memberi motivasi pelajar untuk belajar bahasa Arab. Perkara ini dapat dikuatkan oleh kajian Akla (2021). Dapatan kajian beliau mendapati penggunaan animasi yang berasaskan video animasi mampu mewujudkan semangat, motivasi dan kesungguhan pelajar untuk belajar bahasa Arab.

Hasil dapatan kajian pengkaji, terdapat tiga tertinggi min bagi pernyataan dalam soal selidik pengkaji, yang tinggi ialah pernyataan nombor 9 iaitu menggunakan animasi dapat memaparkan

info grafik yang lebih jelas dan mudah untuk difahami dengan skor min ($M=4.83$). Dapatan ini dapat disokong dengan kajian oleh (Panjaitan & Yetti et al, 2020) dimana pembelajaran yang menggunakan animasi mampu memaparkan infor grafik yang lebih bermakna, lebih mudah difahami dan diterima seterusnya memupuk motivasi untuk belajar.

Seterusnya, kedua tertinggi ialah pernyataan nombor 1 iaitu, belajar bahasa Arab menjadi lebih menarik dengan skor min ($M=4.73$). Dapatan ini dapat disokong dengan kajian oleh Rosmiati (2019), menjalankan kajian penggunaan animasi untuk subjek bahasa inggeris. Dalam kajian ini mendapati bahawa penggunaan animasi telah memberi manfaat kepada guru dan pelajar. Dengan adanya penggunaan animasi telah memudahkan guru menyampaikan pengajaran manakala, pelajar pula berasa seronok untuk belajar.

Akhir sekali, ketiga tertinggi ialah pernyataan nombor 7 iaitu, audio pengajaran animasi yang lebih jelas dan mudah didengari dapat membantu pelajar untuk memahami pengajaran bahasa Arab. Dapatan ini dapat disokong dengan kajian oleh Praptaningrum (2020) dimana dengan audio yang jelas mampu meningkatkan motivasi pelajar kerana dengan adanya audio yang jelas boleh merangsang pikiran dan juga perhatian. Oleh itu, hipotesis null (H_0 3) yang menyatakan bahawa penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab tidak dapat meningkatkan minat pelajar untuk belajar ditolak. Manakala, hipotesis alternatif (H_a 3) yang menyatakan penggunaan animasi dalam pengajaran bahasa Arab dapat meningkatkan minat pelajar untuk belajar diterima.

Cadangan dan Kesimpulan

Guru bahasa Arab hendaklah menggunakan kaedah mengajar yang menarik dan kreatif supaya dapat menarik pelajar untuk belajar dan terus fokus. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar para pengajar bahasa Arab menerapkan penggunaan animasi dalam pengajaran mereka. Hal ini kerana elemen seperti hiburan perlu ada dalam pengajaran dan pembelajaran agar dapat memberi motivasi kepada pelajar untuk terus bersama fokus semasa sesi pembelajaran dijalankan. Dalam pada masa yang sama, penggunaan animasi turut membantu para pengajar bahasa Arab bagi memudahkan mereka untuk menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan. Hal ini kerana di dalam animasi terdapat unsur-unsur seperti penggunaan warna yang menarik, simbol dan audio yang mampu menarik perhatian pelajar. Jelaslah bahawa penggunaan animasi perlu dititikberatkan oleh para pengajar bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Kesimpulannya, diharapkan agar para pengajar bahasa Arab boleh menambahbaik cara pengajaran mereka untuk lebih menarik dan mampu mendatangkan motivasi pelajar untuk belajar bahasa Arab.

Rujukan

- Abdul Majid, M. R., & Ismail, Z. (2018). Pengetahuan Teknologi Guru Bahasa Arab Dan Hubungan Dengan Kreativiti Pengajaran Di Malaysia, *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 18, 1-14. <https://www.proquest.com/openview/706d06c89a1be370d79c9e2dbc979da1/1?Pq-Origsite=Gscholar&Cbl=4827496>
- Abdul Majid., M. R., & Ismail, Z. (2017). Kreativiti Pengajaran Guru Bahasa Arab Di Malaysia, *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 4, 1-12. <https://ojie.um.edu.my/index.php/JUPIDI/Article/View/8471>
- Abidin, Z., & Satrianingsih, A. (2018). Perkembangan dan Masa Depan Bahasa Arab, *Jurnal Bahasa Dan Sastra Arab* 3(2), 1-14. <https://journal.uinalauddin.ac.id/index.php/Diwan/Article/View/4459>
- Akla, A. (2021). The Effectiveness Of Animation Video Technology In Arabic Language Teaching On Students Of Islamic Elementary School Of Metro City, *Jurnal Pemikiran Islam*.26(1),1-18 <https://ejournal.metrouniv.ac.id/index.php/Akademika/Article/View/3011>
- Apriansyah, M. R., Sambowo, K. A., & Maulana, A. (2020) Pengembangan Media Pembelajaran Video Berbasis Animasi Mata Kuliah Ilmu Bahan Bangunan Di Program Studi Pendidikan Teknik Bangunan Fakultas Teknik Universitas Negeri Jakarta,). *Jurnal Pendidikan Teknik Sipi l(Jpensil)*9,8-18. <http://journal.unj.ac.id/unj/index.php/jpensil/Article/View/12905>
- Che Hat, N., Sha'ari, S. H., & Abdul Hamid, M. F. (2013). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Animasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Teknologi*, 63(1). <https://doi.org/10.11113/jt.v63.1683>
- Creswell, J. W (2008) *Educational Research Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 3th Edition. New: Pearson Education International.
- Hamzan, M., Baharudin, H., & Hamzah, M. I. (2015). Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Berpandukan Tiga Ulama' Bahasa Arab, *Artikel Pendidikan* 1- 21. https://www.researchgate.net/publication/306405078_Kaedah_Pengajaran_Bahasa_Arab_Berpandukan_Tiga_Ulama'_Bahasa_Arab
- Hat, N. C., Abdul Hamid, M. F., Sha'ari, S. H., & Zaid, S. H. (2017) The Effectiveness Of The Use Of Animation In Arabic Language Learning. *Asian Social Science*, Canadian Center Of Science And Education, 13(10), 1-6. <https://pdfs.semanticscholar.org/8c61/7a2fc9fbd5356a30c68d8a5715859b7ad406.pdf>
- Hikmah, S. D. (2021). English Journal for Teaching And Learning. The Use Of Animation Video For Vocabulary ,*Mastery*, 1-12. <http://jurnal.iainpadangsidempuan.ac.id/index.php/EEJ/Article/View/4804>
- Isa, N. S., & Ma'arof, N. N. M. I. (2018). Keberkesanan penggunaan grafik berkomputer sebagai alat bahan bantu mengajar dalam kalangan pelajar reka bentuk dan teknologi. *Sains Humanika*, 10(3-3).
- Lidi, M. W., & Daud, M. H. (2019). Jurnal Penelitian Pendidikan Biologi. Penggunaan Media Animasi Pada Mata Kuliah Biologi Dasar Untuk Meningkatkan Hasil Belajar Dan Motivasi Mahasiswa, *Materi Genetika*, 3(1), 1-9. <https://jurnal.um-palembang.ac.id/dikbio/Article/View/1886>
- Meor Safari, I. N., Kassim, N., Iskandar, N. F., Mohamed, M. H., & Hj. Abdullah, M. Y. (2013). Tahap Pengetahuan Mengenai Kesihatan Mental dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) : Kajian Kes di UKM, Bangi. *Jurnal Personalia Pelajar*, (14). Retrieved from <https://spaj.ukm.my/personalia/index.php/personalia/article/view/25>
- Mohd Rusli, N. F. ., Che Ibrahim, N. F. S. ., Shaari, M. R., & Nallaluthan, K. (2021). Persepsi Pelajar terhadap Aplikasi Multimedia Interaktif dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21: Students' Perceptions of Interactive Multimedia Applications in the 21st Century Teaching and Learning Process. *Online Journal for TVET*

- Practitioners*, 6(1), 15–24. Retrieved from <https://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/6569>
- Mohd Zin, A. (2015). *Permainan Bahasa Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Di Sebuah Sekolah Rendah Di Klang*. Master Thesis, Universiti Of Malaya, Diperoleh Jun 30, 2015, Daripada [Http://Studentsrepo.Um.Edu.My/5475/](http://Studentsrepo.Um.Edu.My/5475/)
- Muhammad Sabri. (2015, September 23). Bahasa Arab Tembusi Pengajian Formal Di Sekolah, Universiti. *Berita Harian Online*. Diperoleh September 23, 2015, Daripada. [https://Www.Bharian.Com.My/Taxonomy/Term/61/2015/09/83907/Bahasa-Arab Tembusi- Pengajian-Formaldi-Sekolah-Universiti](https://Www.Bharian.Com.My/Taxonomy/Term/61/2015/09/83907/Bahasa-Arab%20Tembusi-Pengajian-Formaldi-Sekolah-Universiti)
- Novelia, S., & Hazizah, N. (2020). Penggunaan Video Animasi Dalam Mengenal Dan Membaca Huruf Hijaiyah, *Jurnal Pendidikan Tambusai*.4(2), 1-12. [https://Jptam.Org /Index.Php/Jptam/Article/View/567](https://Jptam.Org/Index.Php/Jptam/Article/View/567)
- Panjaitan, N. Q., Yetti, E., & Nurani, Y. (2020).. Pengaruh Media Pembelajaran Digital Animasi Dan Kepercayaan Diri Terhadap Hasil Belajar Pendidikan Agama Islam Anak, *Jurnal Obsesi : Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini* 4(2),588-596. <https://Obsesi.Or.Id/Index.Php/Obsesi/Article/View/404>
- Praptaningrum, A. (2020). Penerapan Bahan Ajar Audio Untuk Anak Tunanetra Tingkat Smp Di Indonesia, *Jurnal Teknologi Pendidikan*. 5, 1-19. <https://E-Journal.Undikma.Ac.Id/Index.Php/Jtp/Article/View/2849>
- Puspita, I. (2017). Efektivitas Penggunaan Media Video Animasi Dalam Proses Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Kelas Viii-1 Di Smp Negeri 9 Tangerang Selatan UIN Syarif Hidayatullah Jakarta: Fakultas Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan. 1-128. [https://Repository.Uinjkt.Ac.Id/Dspace/Handle /123456789/36637](https://Repository.Uinjkt.Ac.Id/Dspace/Handle/123456789/36637)
- Rosmiati, M. (2019). *Animasi Interaktif Sebagai Media Pembelajaran Bahasa Inggris Menggunakan Metode ADDIE*, *Jurnal Komputer Dan Informatika*, Universitas Bina Sarana Informatika. 21(2),1-8.[https://Ejournal.Bsi.Ac.Id/Ejurnal/Index.Php/Paradigma /Article/View/6019/0](https://Ejournal.Bsi.Ac.Id/Ejurnal/Index.Php/Paradigma/Article/View/6019/0)
- Salahuddin, H. (2020) *Efektivitas Video Animasi Berbasis Kinemaster Untukmeningkatkan Penguasaan Kosakata Bahasa Arab Siswa Kelas VII Di MTS. Nurul Huda Ketambul, Tuban*. Degree Thesis, Universitas Muhammadiyah Malang. Diperoleh October 26, 2020, Daripada. <https://Eprints.Umm.Ac.Id/68519/>
- Shofiyah, N. A., Nursobah, A., & Tarsono (2020). Penggunaan Media Animasi Pada Pembelajaran Pai Untuk Meningkatkan Motivasi Belajar Tunagrahita, *Journal Of Psychology Religion And Humanity* 2(1),1-15. <https://Lp2msasbabel.Ac.Id/Jurnal/Index.Php/Psc/Article/View/1157>
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi, Muhammad Azhar Zailaini (2016) Akhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika*. 86(2), 31-42
- Umar, A., Hanum, I., & Hutagalung, T. (2021). Utilization Learning Media Based Animation In The Teaching Of Children’s Literature Subject,). *Proceedings Of The Tenth International Conference On Languages And Arts (ICLA 2021)* 1-3. <https://Www.Atlantispress.Com/Proceedings/Icla-21/125964919>
- Yin, R. K (1994) *Case Study Research Design and Methods*. 2nd Edition. Thousand Oaks, California: SAGE Publication, Inc.
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019).. Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran, *Jurnal Pengajian Islam* 12(1), 47 57.[http://Journal.Kuis.Edu.My/Ejurnalpengajianislam /Wpcontent/Uploads/2019/05/ABDUL-RAZIF-ZAINI.Pdf](http://Journal.Kuis.Edu.My/Ejurnalpengajianislam/Wpcontent/Uploads/2019/05/ABDUL-RAZIF-ZAINI.Pdf)